



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI PENDAPATAN ATAS CUKAI
BARANG DAN PERKHIDMATAN
BAHAGIAN II –
PERBELANJAAN MODAL YANG LAYAK BAGI
TUJUAN MENUNTUT ELAUN**

KETETAPAN UMUM NO. 2/2017

TARIKH PENERBITAN: 8 JUN 2017



**LAYANAN CUKAI PENDAPATAN ATAS
CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
BAHAGIAN II – PERBELANJAAN
MODAL YANG LAYAK BAGI
TUJUAN MENUNTUT ELAUN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 2/2017
Tarikh Penerbitan: 8 Jun 2017**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2017 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LAYANAN CUKAI PENDAPATAN ATAS
CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
BAHAGIAN II – PERBELANJAAN
MODAL YANG LAYAK BAGI
TUJUAN MENUNTUT ELAUN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 2/2017
Tarikh Penerbitan: 8 Jun 2017

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Harta Modal dan Aset Modal	2
5. Pelarasan Harta Modal	3
6. Layanan Cukai Pendapatan bagi CBP yang Dilakukan atas Perolehan Aset Modal dan Perbelanjaan yang Layak	5
7. Pelarasan Cukai Pendapatan Berhubung dengan Pelarasan Harta Modal	11
8. Dokumen yang Diperlukan	24
9. Perakuan	25
10. Penolakan Tuntutan	25

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan –

- (a) sama ada seseorang yang melakukan perbelanjaan yang layak (PYL) atas pembelian atau perolehan aset modal untuk tujuan menuntut elaun adalah termasuk cukai barang dan perkhidmatan (CBP) yang dibayar atau perlu dibayar;
- (b) pelarasan cukai pendapatan yang dibuat kepada PYL suatu aset modal sekiranya aset tersebut telah tertakluk kepada pelarasan CBP di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (ACBP);
- (c) pelarasan cukai pendapatan yang dibuat kepada PYL suatu aset modal sekiranya aset yang tertakluk kepada pelarasan CBP itu telah dilupuskan; dan
- (d) pelarasan cukai pendapatan yang dibuat kepada PYL suatu aset modal yang tertakluk kepada pelarasan CBP apabila aset tersebut dipindahkan di antara pihak yang berkaitan.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7, 8, perenggan 2E dan 67D Jadual 3, perenggan 1D Jadual 7A dan perenggan 1A Jadual 7B.
- 2.3 ACBP 2014 dan undang-undang subsidiari yang berkaitan.

3. Tafsiran

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Cukai input” mempunyai maksud yang sama yang diberikan kepadanya dalam ACBP. Dalam bahasa yang mudah, cukai input merujuk kepada CBP yang kena dibayar atas belian dan pengimportan perniagaan.
- 3.2 “Cukai output” mempunyai maksud yang sama yang diberikan kepadanya dalam ACBP. Dalam bahasa yang mudah, cukai output adalah CBP yang dikenakan ke atas jualan (inventori, aset model dan lain-lain), pembekalan yang disifatkan dan perkhidmatan yang diimport.
- 3.3 “Pemastautin” bermaksud pemastautin Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti yang ditentukan di bawah seksyen 7 dan 8 ACP;

- 3.4 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.5 “Tahun Asas” mempunyai maksud seperti mana di seksyen 20 ACP.
- 3.6 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, suatu puncanya dan suatu tahun taksiran bermaksud tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan di bawah seksyen 21 atau seksyen 21A ACP.

4. Harta Modal dan Aset Modal

4.1 Aset Modal

Aset modal termasuk –

- (a) semua barang yang boleh dipermodal di bawah Prinsip-Prinsip Pengakaunan yang di Terima Umum (PPTU);
- (b) apa-apa harta modal yang digunakan oleh seseorang dalam perjalanan atau penerusan sesuatu perniagaan;
- (c) apa-apa harta modal bukan semata-mata untuk tujuan dijual;
- (d) apa-apa harta modal bernilai RM100,000 atau lebih seunit tidak termasuk CBP; dan
- (e) apa-apa harta modal yang tidak terjatuh di bawah barang yang tidak dibenarkan oleh Ketua Pengarah Kastam bagi tujuan pelarasan aset modal.

Perlu diambil perhatian bahawa harta modal telah didefinisikan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) dalam Panduan berkenaan Pelarasan Harta Modal sebagai apa-apa barang yang telah dimodalkan untuk tujuan pengakaunan dan mengikut PPTU serta dihapus kira sepanjang beberapa tahun.

4.2 Layanan CBP atas harta modal

Layanan CBP atas harta modal di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) pembekalan (perolehan) harta modal adalah berkadar standard;
- (ii) cukai input boleh dituntut sepenuhnya atas semua perolehan harta modal yang digunakan untuk membuat pembekalan bercukai sepenuhnya;
- (iii) sekiranya harta modal yang diperoleh digunakan semata-mata untuk pembekalan dikecualikan, tiada cukai input boleh dituntut;

- (iv) sekiranya harta modal yang diperoleh digunakan untuk membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan, cukai input perlu dibahagikan mengikut bahagian penggunaan; dan
- (v) aset tidak ketara seperti cap dagangan dan nama baik adalah pembekalan bercukai.

5. Pelarasan Harta Modal

Pelarasan harta modal (PHM) di bawah Peraturan-Peraturan CBP (P.U. (A) 190/2014) adalah pelarasan kepada amaun tuntutan awal cukai input bagi tempoh yang ditetapkan sekiranya terdapat perubahan dalam bahagian penggunaan harta modal atas pembekalan bercukai. Tujuan PHM hanya untuk memberi pembahagian cukai input kepada pembekalan bercukai, secara adil dan munasabah bagi setiap tahun, kerana harta modal boleh digunakan dalam suatu perniagaan sepanjang suatu tempoh bertahun-tahun dan pembekalan bercukai yang dikeluarkan juga boleh berbeza-beza sepanjang tempoh tersebut.

5.1 Orang yang perlu membuat PHM

Seseorang orang berdaftar CBP yang merupakan pembekal bercampur dikehendaki mengakaunkan cukai input mengikut PHM sekiranya:

- (a) dia memperoleh, mengimport, mengilang, mengeluarkan, membina atau menguntukkan untuk mengguna suatu aset modal;
- (b) aset modal itu digunakan untuk membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan; dan
- (c) bahagian penggunaan aset modal yang kena cukai berubah dari semasa ke semasa.

5.2 Ketidakkpakaian PHM

PHM tidak terpakai dalam kes berikut:

- (a) apabila seorang orang berdaftar membuat pembekalan bercukai kesemuanya;
- (b) apabila seorang pembekal bercampur memperoleh suatu aset modal untuk digunakan semata-mata untuk membuat pembekalan dikecualikan atau pembekalan bercukai;
- (c) apabila suatu aset diperoleh atau diimport semata-mata untuk dijual semula;
- (d) aset yang diperoleh digunakan untuk tujuan bukan perniagaan;

- (e) aset yang diperoleh tidak termasuk di bawah kredit cukai input (cukai input disekat), contohnya kereta penumpang;
- (f) apabila nilai suatu aset modal yang diperoleh adalah kurang daripada RM100,000 tidak termasuk CBP; dan
- (g) aset yang diperoleh adalah suatu pembekalan dikecualikan.

5.3 Formula untuk PHM

Sekiranya peratusan penggunaan aset modal untuk pembekalan bercukai bertambah, orang berdaftar CBP boleh menuntut cukai input untuk lat tempoh yang berikutan iaitu suatu amaun seperti pengiraan di bawah:

$$\frac{\text{Jumlah cukai input}}{\text{Bilangan lat tempoh}} \quad \times \quad \text{Peratusan pelarasan}$$

Sebaliknya, sekiranya peratusan penggunaan aset modal berkurangan, orang berdaftar CBP mesti membayar CBP sebagai suatu amaun cukai output seperti yang dikira mengikut formula di atas.

5.4 Tempoh pelarasan

Tempoh pelarasan merujuk kepada suatu tempoh masa tetap yang terdiri daripada beberapa lat tempoh, di mana penggunaan berkadar sesuatu aset modal dinilai semula. PHM dibuat sepanjang lima lat tempoh yang berturutan kecuali bagi tanah dan bangunan yang melibatkan suatu tempoh pelarasan yang terdiri daripada sepuluh lat tempoh yang berturutan. Dalam lat tempoh yang berikutan dan lat tempoh yang terakhir, pelarasan dibuat kepada cukai input awal yang dituntut apabila penggunaan berkadar aset modal untuk membuat pembekalan bercukai berubah dari lat tempoh ke lat tempoh. Tiada pelarasan lanjutan perlu dibuat selepas lat tempoh terakhir.

Lat tempoh pertama bagi aset modal akan bermula dari tarikh:

- (a) perolehan, pengimportan atau pembekalan sekiranya aset modal itu diimport, diperoleh atau dibekalkan;
- (b) pemilik mula-mula menggunakan item itu di mana aset modal itu dikilang, dikeluarkan, dibina, diubah suai, diperluaskan, diperbaharui, dipasang atau diperuntukkan bagi penggunaan. **Penggunaan** termasuk apa-apa penggunaan dalam perniagaan. Bagi bangunan, penggunaan biasanya ialah pemberian suatu pajakan atau diduduki secara fizikal. Penggunaan pertama adalah pertama kali mana-mana bahagian bangunan yang

dibina, diubah suai, diperluaskan, diperbaharui, dipasang atau digunakan; atau

- (c) pendaftaran sebagai seorang orang berdaftar CBP di mana pemilik tidak bertanggungjawab untuk berdaftar apabila aset modal pertama kali digunakan; atau
- (d) apabila pemilik bertanggungjawab untuk berdaftar CBP bila aset modal pertama kali digunakan (iaitu dalam kes pendaftaran lewat);

dan berakhir pada hari terakhir tahun cukai yang bersamaan dengan lat tempoh pertama.

Suatu tahun cukai pada amnya adalah suatu tahun kewangan 12 bulan kalendar. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, tahun cukai pertama dan terakhir boleh terdiri daripada suatu tempoh yang kurang atau melebihi 12 bulan kalendar.

5.5 Pelarasan dalam tahun pelupusan

Sekiranya seorang pembekal bercampur melupuskan suatu aset modal sebelum akhir tempoh pelarasan, pembekal bercampur dianggap sebagai menggunakan aset modal bagi baki tempoh (iaitu dari tarikh pelupusan sehingga akhir tempoh pelarasan) dalam membuat pembekalan bercukai. Pemilik aset modal dikehendaki mengira cukai input bagi setiap baki tempoh.

Sekiranya aset modal dilupuskan pada hari pertama suatu lat tempoh (tempoh), pembekal bercampur boleh menganggap lat tempoh di mana pelupusan berlaku sebagai suatu baki lat tempoh yang lengkap. Sebaliknya, sekiranya tarikh pelupusan sesuatu aset adalah selain daripada hari pertama lat tempoh itu, suatu kadar pemuliharaan baki cukai input tahunan bagi tempoh di mana jualan berlaku dikira berasaskan purata wajaran masa.

6. **Layanan Cukai Pendapatan bagi CBP yang Dilakukan Atas Perolehan Aset Modal dan Perbelanjaan yang Layak**

Berkuat kuasa tahun taksiran (TT) 2015, dengan pengenalan peruntukan relevan di Jadual 3, Jadual 7A dan Jadual 7B ACP, PYL yang dilakukan oleh seseorang tidak termasuk apa-apa amaun berkaitan CBP yang dibayar atau perlu dibayar oleh seseorang sekiranya:

- (a) orang tersebut berhak kepada kredit cukai input di bawah ACBP; atau
- (b) dia bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah ACBP tetapi gagal berbuat demikian.

Bagi aset modal yang digunakan dalam suatu perniagaan oleh seorang orang berdaftar CBP, cukai input yang tidak boleh dituntut di bawah ACBP dianggap sebagai sebahagian PYL bagi tujuan elaun di bawah ACP. Di sebaliknya, cukai input yang boleh dituntut di bawah ACBP tidak dianggap sebagai sebahagian PYL aset tersebut.

Bagi aset modal yang digunakan dalam suatu perniagaan oleh seorang orang yang bertanggung untuk berdaftar CBP tetapi gagal berbuat demikian, CBP yang tidak boleh dituntut sebagai cukai input tidak dianggap sebagai sebahagian PYL bagi tujuan elaun di bawah ACP.

Sekiranya aset modal digunakan dalam suatu perniagaan oleh orang yang tidak bertanggung untuk berdaftar CBP, CBP yang tidak boleh dituntut sebagai cukai input dianggap sebagai sebahagian PYL bagi tujuan elaun di bawah ACP.

Contoh 1 - Orang berdaftar CBP yang membuat pembekalan bercukai berhak menuntut cukai input

Sebuah kilang roti berdaftar CBP membeli suatu mesin penguli berharga RM3,180 [termasuk CBP (cukai input) RM180].

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Memandangkan kedai roti adalah orang berdaftar CBP, ia berhak mengkredit CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai kredit cukai input. Kredit cukai input RM180 atas pembelian mesin penguli boleh dituntut daripada JKDM.
ACP	CBP yang dilakukan atas pembelian mesin penguli bukan sebahagian PYL untuk aset tersebut bagi tujuan elaun modal. Bagi tujuan elaun modal, PYL adalah RM3,000.

Contoh 2 - Cukai input disekat: Seorang orang berdaftar CBP membeli kereta penumpang untuk kegunaan perniagaan dan peribadi seorang pengarah

Pada 1.9.2016, sebuah syarikat berdaftar CBP membeli sebuah kereta penumpang berharga RM100,700 (iaitu RM95,000 + CBP RM5,700) untuk kegunaan dwi tujuan pengarah iaitu perniagaan dan peribadi.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	CBP yang ditanggung atas kereta penumpang yang digunakan untuk dwi tujuan iaitu perniagaan dan peribadi terjatuh di bawah cukai input disekat. Syarikat tidak layak menuntut apa-apa kredit cukai input daripada JKDM.
ACP	<p>CBP yang dilakukan atas pembelian kereta penumpang adalah sebahagian PYL untuk aset tersebut bagi tujuan elaun modal.</p> <p>PYL kereta penumpang bagi tujuan elaun modal adalah RM100,700. Walau bagaimanapun, perbelanjaan modal yang layak dihadkan kepada RM100,000 menurut proviso kepada subperenggan 2(2) Jadual 3 ACP.</p> <p>Nota:</p> <p>Manfaat bagi kegunaan peribadi kereta akan ditaksir ke atas pengarah sebagai manfaat berupa barangan.</p>

Contoh 3 - Kereta penumpang yang dibeli oleh seorang orang berdaftar CBP bagi tujuan perniagaan sepenuhnya tidak terjatuh di bawah cukai input disekat

Pada 1.9.2016, sebuah syarikat telekomunikasi berdaftar CBP membeli sebuah kereta penumpang dan dilesenkan sebagai sebuah kenderaan komersial berharga RM169,600 (termasuk cukai input RM9,600), untuk digunakan oleh pekerja bagi memberi bantuan teknikal dalam kes gangguan telekomunikasi. Syarikat memenuhi syarat-syarat di bawah Panduan CBP yang dikeluarkan oleh JKDM bagi tujuan perniagaan. Kereta disimpan di premis perniagaan apabila tidak digunakan untuk tujuan perniagaan dan memaparkan logo serta nama syarikat di pintu kereta. Syarikat telah memohon dan mendapat kelulusan untuk menuntut kredit bagi CBP yang dibayar atas perolehan dan juga pembaikan serta penyenggaraan kereta daripada Ketua Pengarah Kastam.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Syarikat telekomunikasi berdaftar CBP layak menuntut kredit cukai input yang ditanggung berjumlah RM9,600 atas kereta penumpang

	yang digunakan untuk tujuan perniagaan.
ACP	<p>CBP yang dilakukan bukan sebahagian PYL kereta itu bagi tujuan elaun modal.</p> <p>PYL untuk kenderaan komersial berlesen itu adalah RM160,000.</p> <p>Nota</p> <p>Dalam ketiadaan lesen untuk kegunaan komersial, PYL akan dihadkan oleh subperenggan 2(2) Jadual 3 ACP kepada RM50,000. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada KU No. 6/2015 bertajuk “Perbelanjaan yang Layak dan Pengiraan Elaun Modal”.</p>

Contoh 4 - Seorang orang berdaftar CBP gagal menuntut cukai input

Fakta yang sama seperti di Contoh 1 dan kedai roti berdaftar CBP gagal menuntut kredit cukai input daripada JKDM.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Kedai roti berdaftar CBP layak menuntut kredit cukai input berjumlah RM180 tetapi gagal membuat tuntutan daripada JKDM.
ACP	<p>CBP yang dilakukan atas pembelian mesin penguli bukan sebahagian PYL bagi tujuan elaun modal.</p> <p>PYL untuk mesin penguli adalah RM3,000.</p>

Contoh 5 - Seseorang bertanggung untuk berdaftar CBP tetapi gagal berbuat demikian

Sebuah syarikat telah mencapai perolehan bercukai yang ditetapkan di bawah ACBP tetapi gagal berdaftar untuk CBP. Pada 1.6.2017, syarikat membeli sebuah mesin berharga RM31,800 [termasuk CBP RM1,800].

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Walaupun syarikat tersebut tidak berdaftar CBP, ia dianggap sebagai seorang orang

	berdaftar memandangkan ia telah mencapai perolehan bercukai yang ditetapkan. Syarikat layak menuntut kredit cukai input daripada JKDM sebaik sahaja ia berdaftar.
ACP	Memandangkan syarikat akan layak menuntut kredit cukai input di bawah ACBP sekiranya syarikat telah berdaftar CBP, CBP yang dilakukan atas mesin bukan sebahagian PYL bagi tujuan elaun modal. PYL untuk mesin adalah RM30,000.

Contoh 6 - Seseorang bertanggung untuk berdaftar CBP tetapi berdaftar lewat

Sebuah syarikat telah mencapai perolehan bercukai yang ditetapkan di bawah ACBP pada 1.6.2015 tetapi berdaftar lewat pada 1.6.2016. Dalam tahun 2015, syarikat tersebut telah membeli mesin berikut untuk perniagaannya:

Tarikh Pembelian	Jenis Mesin	Tujuan	Kos (RM)
1.7.2015	Mesin A	Membuat pembekalan bercukai	106,000 (termasuk CBP RM6,000)
1.9.2015	Mesin B	Membuat pembekalan dikecualikan	159,000 (termasuk CBP RM9,000)

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	<p>Mesin A</p> <p>Walaupun syarikat tersebut tidak berdaftar CBP, ia dianggap sebagai orang bercukai pada 1.6.2015 apabila ia mencapai perolehan bercukai yang ditetapkan. Oleh itu, syarikat sepatutnya layak menuntut kredit cukai input berjumlah RM6,000 atas mesin yang digunakan untuk membuat pembekalan bercukai sekiranya ia telah berdaftar.</p> <p>Mesin B</p> <p>Memandangkan mesin B digunakan untuk</p>

	membuat pembekalan dikecualikan, syarikat tersebut (sama ada berdaftar atau tidak) tidak layak menuntut CBP RM9,000 di bawah ACBP.
ACP	<p>Mesin A</p> <p>CBP berjumlah RM6,000 yang dilakukan atas pembelian mesin A bukan sebahagian PYL bagi tujuan elaun modal. PYL untuk mesin tersebut adalah RM100,000.</p> <p>Mesin B</p> <p>Memandangkan syarikat tersebut tidak berdaftar CBP apabila bertanggung untuk berbuat demikian, CBP yang dilakukan bukan sebahagian PYL mesin tersebut bagi tujuan elaun modal, walaupun mesin itu digunakan untuk membuat pembekalan dikecualikan. PYL untuk mesin tersebut adalah RM150,000.</p> <p>Nota:</p> <p>Layanan cukai pendapatan di atas dikekalkan terhadap kredit cukai input yang dikaitkan kepada kedua-dua mesin A dan B, walaupun syarikat tersebut berdaftar kemudian.</p>

Example 7 - Status CBP seseorang bertukar daripada tidak bertanggung untuk berdaftar kepada bertanggung untuk berdaftar

Feng Shui Enterprise tidak bertanggung untuk berdaftar CBP. Pada 1.6.2015, Feng Shui Enterprise membeli perabot pejabat bernilai RM53,000 (termasuk CBP RM3,000). Pada 1.1.2017, Feng Shui Enterprise mencapai perolehan bercukai yang ditetapkan dan berdaftar di bawah ACBP.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	<p>1.6.2015 to 31.12.2016</p> <p>Syarikat tidak bertanggung untuk berdaftar dan tidak layak menuntut kredit cukai input di bawah ACBP.</p>

	<p>Berkuat kuasa 1.1.2017</p> <p>Syarikat dianggap sebagai seorang orang bercukai pada 1.1.2017 apabila syarikat mencapai perolehan bercukai yang ditetapkan. JKDM meluluskan tuntutan kredit cukai input oleh syarikat dan telah ditentukan bahawa amaun adalah RM2,544.</p>
ACP	<p>1.6.2015 to 31.12.2016</p> <p>Sebelum syarikat bertanggung untuk berdaftar CBP, PYL perabot pejabat bagi tujuan elaun modal adalah RM53,000.</p> <p>Berkuat kuasa 1.1.2017</p> <p>PYL perabot pejabat dilaraskan untuk mengambil kira CBP yang dilakukan dahulu dan dimasukkan sebagai sebahagian PYL.</p> <p>PYL dilaraskan bagi perabot pejabat adalah RM50,456 (RM53,000 – RM2,544).</p>

Pengiraan Elaun Modal

Tahun Taksiran		RM	RM
2015	PYL		53,000
	Elaun permulaan (20%)	10,600	
	Elaun tahunan (10%)	<u>5,300</u>	<u>15,900</u>
	Perbelanjaan bakian		37,100
2016	Elaun tahunan		<u>5,300</u>
	Perbelanjaan bakian		31,800
2017	Pengurangan amaun PYL (pelarasan cukai input yang dituntut daripada JKDM)		<u>2,544</u>
	Perbelanjaan bakian selepas pelarasan		29,256
	Elaun tahunan (10% X 50,456)		<u>5,046</u>
	Perbelanjaan bakian		<u>24,210</u>

7. Pelarasan Cukai Pendapatan Berhubung dengan Pelarasan Harta Modal

Apabila suatu aset modal digunakan untuk membuat pembekalan bercampur (pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan), bahagian CBP (cukai input) yang ditanggung atas pembelian atau perolehan aset tersebut untuk membuat

pembekalan bercukai boleh dituntut di bawah ACBP. Walau bagaimanapun, bahagian CBP yang dikaitkan kepada pembekalan dikecualikan tidak boleh dituntut di bawah ACBP.

Suatu pelarasan wujud sekiranya terdapat perubahan dalam peratusan atau perkadaran penggunaan aset modal dalam membuat pembekalan bercukai. PHM di bawah ACBP dibuat untuk menyelaraskan tuntutan cukai input setiap tahun berdasarkan penggunaan aset.

Apabila perkadaran penggunaan aset modal meningkat dalam membuat pembekalan bercukai, amaun cukai input yang boleh dituntut daripada JKDM akan meningkat. Apabila perkadaran penggunaan aset dalam membuat pembekalan bercukai berkurangan, amaun cukai input yang boleh dituntut daripada JKDM juga akan berkurangan.

Dalam erti kata lain, apabila terdapat perubahan dalam perkadaran penggunaan aset modal dalam membuat pembekalan bercampur, PHM perlu dibuat kepada amaun permulaan cukai input yang dituntut daripada JKDM. Selepas pelarasan, apa-apa pengurangan dalam amaun cukai input yang mula-mula dituntut perlu dibayar balik kepada JKDM, iaitu pelarasan cukai output perlu dibuat. Lebihan cukai input yang dituntut dalam lat tempoh terdahulu diakaunkan sebagai cukai output dalam lat tempoh berikutnya. Sebaliknya, sekiranya terdapat peningkatan dalam amaun cukai input selepas suatu pelarasan, suatu amaun cukai input selanjutnya boleh dituntut daripada JKDM.

7.1 Pelarasan PYL yang terbit daripada pelarasan cukai input atas aset

Penentuan PYL dan tuntutan elaun untuk aset yang digunakan dalam membuat pembekalan bercampur adalah seperti berikut:

- (a) penggunaan aset dalam tahun pertama akan menjadi asas bagi menentukan PYL dan pengiraan elaun modal dari tahun pertama ke keempat (bagi pelarasan untuk tempoh 5 tahun) atau kepada tahun kesembilan (bagi pelarasan untuk tempoh sepuluh tahun); dan
- (b) bagi pengiraan elaun di bawah ACP, pelarasan akan dibuat sekali sahaja dalam tahun terakhir PHM dibuat atau pada tarikh aset tersebut dilupuskan iaitu apabila cukai input sebenar yang boleh dituntut daripada JKDM boleh ditentukan dengan pastinya.

Dalam erti kata lain, amaun kredit cukai input yang berhak dituntut oleh seorang orang berdaftar CBP di bawah ACBP akan berbeza bagi setiap tahun mengikut peratusan penggunaan aset modal untuk membuat pembekalan bercampur. Selepas suatu pelarasan dalam tahun terakhir, amaun kredit cukai input yang boleh dituntut dalam tahun terakhir akan berbeza daripada amaun kredit cukai input yang mula-mula dituntut dalam

tahun pertama. Perkara berikut akan mengakibatkan perubahan dalam PYL aset tersebut –

- (a) apabila suatu amaun tambahan kredit cukai input tidak boleh dituntut di bawah ACBP, amaun tersebut akan dianggap sebagai sebahagian PYL yang dilakukan, dan perbelanjaan bakian berhubung dengan aset tersebut hendaklah termasuk jumlah tambahan itu; atau
- (b) apabila terdapat suatu amaun kredit cukai input terkurang yang tidak boleh dituntut di bawah ACBP, PYL yang dilakukan dan perbelanjaan bakian hendaklah dikurangkan oleh amaun tersebut.

Sekiranya selepas pelarasan tersebut, amaun elaun Jadual 3 yang dibuat atau sepatutnya dibuat melebihi perbelanjaan bakian, lebihan itu hendaklah menjadi sebahagian pendapatan berkanun orang itu daripada suatu punca perniagaan dalam tempoh asas pelarasan dibuat. Amaun lebihan tidak boleh melebihi amaun keseluruhan elaun yang diberikan.

Contoh 8 - Pelarasan kepada PYL selepas PHM – tambahan kepada PYL

Sebuah Syarikat berdaftar CBP adalah dalam suatu perniagaan pembekalan bercampur dan tahun kewangan berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.5.2016, syarikat membeli komputer bernilai RM1,060,000 termasuk CBP (cukai input) berjumlah RM60,000.

Pembahagian penggunaan komputer untuk pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan tahunan adalah seperti berikut:

Tempoh	Tahun	Penggunaan untuk pembekalan bercukai (%)	Pelarasan (%)	Penggunaan untuk pembekalan dikecualikan (%)	Pelarasan (%)
Pertama	2016	60	-	40	-
Kedua	2017	70	+10	30	-10
Ketiga	2018	55	-5	45	+5
Keempat	2019	45	-15	55	+15
kelima	2020	40	-20	60	+20

Syarikat mengira PHM berikut:

Tempoh (Tahun)	% Pelarasan Pembekalan Bercukai (% Penggunaan Aset)	Pembekalan bercukai Pelarasan Cukai Input kepada JKDM	Cukai Input berhubung dengan Aset yang Boleh dan Tidak Boleh Dituntut daripada JKDM		PYL (RM1,000,000 dan Cukai Input yang Tidak Boleh Dituntut) RM
			Boleh Dituntut RM	Tidak Boleh Dituntut (Kumulatif) RM	
1 (2016)	-	60,000 X 60% = 36,000	36,000	24,000	1,024,000¹
2 (2017)	10%	$\frac{60,000}{5} \times 10\%$ = 1,200	37,200	22,800	-
3 (2018)	-5%	$\frac{60,000}{5} \times (-5\%)$ = (600)	36,600	23,400	-
4 (2019)	-15%	$\frac{60,000}{5} \times (-15\%)$ = (1,800)	34,800	25,200	-
5 (2020)	-20%	$\frac{60,000}{5} \times (-20\%)$ = (2,400)	32,400	27,600	1,027,600²

Berdasarkan pelarasan di atas berhubung dengan penggunaan komputer –

- (a) Penggunaan komputer dalam tahun pertama akan menjadi asas untuk menentukan PYL dan elaun modal bagi tahun pertama ke tahun keempat. Di bawah ACBP, bagi tempoh pertama (Tahun 2016), CBP yang ditanggung berhubung dengan pembekalan bercukai yang boleh dituntut sebagai kredit cukai input adalah RM36,000, dan CBP yang ditanggung berhubung dengan pembekalan dikecualikan yang tidak boleh dituntut sebagai kredit cukai input adalah RM24,000. PYL untuk komputer adalah RM1,024,000 (kos komputer dan cukai input yang tidak boleh dituntut di bawah ACBP).
- (b) Bagi tahun kelima (pelarasan tahun terakhir dalam 2020), penggunaan komputer untuk membuat pembekalan bercukai dikurangkan lagi daripada penggunaan asal 60% kepada 40%. PHM mengakibatkan suatu pengurangan kredit cukai input RM2,400 dari tahun 2019. CBP berjumlah RM2,400 perlu dibayar sebagai cukai output di bawah ACBP. Di bawah ACBP, kredit cukai input berhubung dengan pembekalan bercukai yang boleh dituntut dikurangkan lagi ke



LAYANAN CUKAI PENDAPATAN ATAS
CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
BAHAGIAN II – PERBELANJAAN
MODAL YANG LAYAK BAGI
TUJUAN MENUNTUT ELAUN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 2/2017
Tarikh Penerbitan: 8 Jun 2017

RM32,400, dan CBP yang ditanggung berhubung dengan pembekalan dikecualikan yang tidak boleh dituntut dinaikkan ke RM27,600. PYL bagi komputer adalah RM1,027,600 (kos komputer dan CBP yang ditanggung yang tidak boleh dituntut di bawah ACBP). Pelarasan kredit cukai input terakhir akan mempunyai kesan atas PYL dan amaun elaun yang dituntut.

**Pengiraan Elaun Modal apabila Amaun Tambahan kepada PYL
Timbul selepas PHM**

Tahun Taksiran	Butiran	RM	RM
2016	PYL		1,024,000 ¹
	Elaun permulaan (20%)	204,800	
	Elaun tahunan (80%)	<u>819,200</u>	<u>1,024,000</u>
			Tiada
2017	Elaun tahunan		Tiada
			Tiada
2018	Elaun tahunan		Tiada
2019	Elaun tahunan		Tiada
2020	PYL selepas PHM		1,027,600 ²
	PYL TT 2016		<u>1,024,000¹</u>
	Tambahan kepada PYL		3,600
	Elaun permulaan (20% X 3,600)	720	
	Elaun tahunan (80% X 1,027,600) terhad	<u>2,880</u>	<u>3,600</u>
	Perbelanjaan bakian		<u>Tiada</u>

Oleh sebab PYL dalam tahun pertama (TT 2016) adalah RM1,024,000 dan selepas pelarasan pada akhir tahun kelima (TT 2020), PYL sebenar adalah RM1,027,600, syarikat tersebut layak menuntut elaun modal atas tambahan kepada PYL berjumlah RM3,600 dalam TT 2020.

Nota

¹Penentuan PYL permulaan dalam tahun pertama bagi tujuan menuntut elaun modal.

²Penentuan PYL terakhir pada akhir tempoh terakhir apabila PHM dikira.

Contoh 9 - Pelarasan kepada PYL selepas PHM – Pengurangan dalam amaun PYL

Farid Sdn Bhd, sebuah syarikat berdaftar CBP dan pembekal bercampur membeli peralatan bernilai RM1 juta pada 1.3.2016. CBP adalah @ 6% iaitu RM60,000. Tahun cukai bersamaan dengan tahun perakaunan kewangan tahunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Penggunaan peralatan dalam membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan setiap tahun adalah seperti berikut:

Tempoh	Tahun	Penggunaan Pembekalan Bercukai (%)	Pelarasan (%)	Penggunaan Pembekalan Dikecualikan (%)	Pelarasan (%)
Pertama	2016	40	-	60	-
Kedua	2017	30	-10	70	+10
Ketiga	2018	45	+5	55	-5
Keempat	2019	55	+15	45	-15
Kelima	2020	60	+20	40	-20

Syarikat mengira PHM berikut:

Tempoh	Tahun	Pelarasan Peratusan Pembekalan Dikecualikan (%)	Pelarasan Cukai Input Pembekalan Dikecualikan	Cukai Input yang Tidak Boleh Dituntut daripada JKDM (Kumulatif) RM	PYL (RM)
1	2016	-	$60,000 \times 60\%$ = 36,000	36,000	1,036,000 ³
2	2017	+10	$\frac{60,000}{5} \times 10\%$ = 1,200	37,200	-
3	2018	-5	$\frac{60,000}{5} \times (-5\%)$ = (600)	36,600	-
4	2019	-15	$\frac{60,000}{5} \times (-15\%)$ = (1,800)	34,800	-
5	2020	-20	$\frac{60,000}{5} \times (-20\%)$ = (2,400)	32,400	1,032,400 ⁴

Pengiraan Elaun Modal apabila Amaun PYL Dikurangkan selepas PHM

Tahun Taksiran		RM	RM
2016	PYL		1,036,000 ³
	Elaun permulaan (20%)	207,200	
	Elaun tahunan (10%)	<u>103,600</u>	<u>310,800</u>
	Perbelanjaan bakian		725,200
2017	Elaun tahunan		<u>103,600</u>
	Perbelanjaan bakian		621,600
2018	Elaun tahunan		<u>103,600</u>
	Perbelanjaan bakian		518,000
2019	Elaun tahunan		<u>103,600</u>
	Perbelanjaan bakian		414,400
2020	PYL selepas PHM dalam tahun ke-5	1,032,400 ⁴	
	PYL dalam TT 2016	<u>1,036,000³</u>	
	Amaun PYL yang dikurangkan	(3,600)	<u>(3,600)</u>
	Perbelanjaan bakian selepas PHM		410,800
	Elaun tahunan		<u>103,240</u>
	(10% X 1,032,400)		
	Perbelanjaan bakian		307,560
2021	Elaun tahunan		<u>103,240</u>
	(10% X 1,032,400)		
	Perbelanjaan bakian		204,320
2022	Elaun tahunan		<u>103,240</u>
	(10% X 1,032,400)		
	Perbelanjaan bakian		101,080
2023	Elaun tahunan (terhad)		<u>101,080</u>
	Perbelanjaan bakian		<u>Tiada</u>

7.2 Pelupusan aset

Suatu pelarasan kepada PYL yang dilakukan, berhubung dengan suatu aset yang dilupuskan pada bila-bila masa semasa tempoh pelarasan, hendaklah dibuat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran di mana pelupusan telah dibuat.

Contoh 10 - Pelupusan aset sebelum akhir tempoh pelarasan

A Sdn Bhd, seorang pembekal bercampur telah berdaftar CBP pada 1.6.2016 dan tahun kewangannya berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.3.2016, syarikat memperoleh sebuah mesin untuk perniagaannya dengan kos RM106,000 termasuk CBP RM6,000.

Penggunaan mesin untuk membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan setiap tahun adalah seperti berikut:

Tempoh	Tahun	Pembekalan Bercukai Penggunaan (%)	Pelarasan (%)	Pembekalan Dikecualikan Penggunaan (%)	Pelarasan (%)
Pertama	2016	40	-	60	-
Kedua	2017	30	-10	70	+10
Ketiga	2018	45	+5	55	-5
Keempat	2019	55	+15	45	-15

Pada 1.1.2019, mesin tersebut dilupuskan untuk RM60,000 (tidak termasuk CBP).

Syarikat mengira PHM berikut:

Tempoh	Pelarasan Peratusan Pembekalan Dikecualikan	Pelarasan Cukai Input Pembekalan Dikecualikan	Cukai Input yang Tidak Boleh Dituntut daripada JKDM (Kumulatif) RM	PYL RM
1 (2016)	-	$6,000 \times 60\%$ = 3,600	3,600	103,600 ⁵
2 (2017)	+ 10	$\frac{6,000}{5} \times 10\%$ = 120	$3,600 + 120 =$ 3,720	-
3 (2018)	- 5	$\frac{6,000}{5} \times (-5\%)$ = (60)	$3,720 - 60 = 3,660$	-
4 (2019)	- 60	$\frac{6,000}{5} \times (-60\%)$ = (720)	$3,660 - 1,440 =$ 2,220	102,220 ⁶
5 (2020)	- 60	$\frac{6,000}{5} \times (-60\%)$ = (720)		

Pengiraan Elaun Modal

Tahun Taksiran	Butiran	RM	RM
2016	PYL		103,600 ⁵
	Elaun permulaan (20%)	20,720	
	Elaun tahunan (14%)	<u>14,540</u>	<u>35,224</u>
			68,376
2017	Elaun tahunan		<u>14,540</u>
			53,836
2018	Elaun tahunan		<u>14,540</u>
			39,296
2019	PYL dalam tahun pelupusan	102,220 ⁶	
	PYL dalam TT 2016	<u>103,600⁵</u>	
	Amaun PYL yang dikurangkan		<u>(1,380)</u>
			37,916
	Harga Jualan		<u>60,000</u>
	Kenaan Imbangan		<u>22,084</u>

7.3 Pemindahan terkawal

Apabila terdapat pemindahan aset di antara pihak berkaitan, perenggan 39 dan 40 Jadual 3 ACP berhubung dengan pemindahan terkawal terpakai. Pelupusan suatu aset dianggap telah berlaku pada hari pertama tempoh terakhir pelupus untuk sejumlah yang bersamaan dengan perbelanjaan bakian pelupus pada hari tersebut. Tempoh terakhir pelupus adalah tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut iaitu tahun taksiran pertama pemeroleh boleh mendapat elaun sekiranya aset digunakan untuk perniagaan.

Contoh 11

Fakta adalah sama seperti di Contoh 9. Syarikat melupuskan peralatan tersebut untuk RM600,000 kepada Faridah Sdn Bhd, sebuah syarikat berkaitan pada 1.1.2019. Transaksi jualan tertakluk kepada pemindahan terkawal.

Syarikat mengira PHM berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 2/2017
Tarikh Penerbitan: 8 Jun 2017**

Tempoh	Tahun	Pelarasan Peratusan Pembekalan Dikecualikan (%)	Pelarasan Cukai Input Pembekalan Dikecualikan	Cukai Input yang Tidak Boleh Dituntut daripada JKDM RM	PYL RM
1	2016	-	60,000 X 60% = 36,000	36,000	1,036,000 ⁷
2	2017	+10	$\frac{60,000}{5} \times 10\%$ = 1,200	37,200	1,037,200
3	2018	-5	$\frac{60,000}{5} \times (-5\%) =$ = (600)	36,600	1,036,600
4	2019	-15	$\frac{60,000}{5} \times (-15\%) =$ = (1,800)	34,800	1,034,800 ⁸

Pengiraan elaun modal bagi Farid Sdn Bhd adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Butiran	RM	RM
2016	PYL		1,036,000 ⁷
	Elaun permulaan (20%)	207,200	
	Elaun tahunan (10%)	<u>103,600</u>	<u>310,800</u>
	Perbelanjaan bakian		725,200
2017	Elaun tahunan		<u>103,600</u>
	Perbelanjaan bakian		621,600
2018	Elaun tahunan		<u>103,600</u>
	Perbelanjaan bakian		518,000
2019	PYL dalam tahun pelupusan	1,034,800 ⁸	
	PYL dalam TT 2016	<u>1,036,000⁷</u>	
	Amaun PYL yang dikurangkan kerana PHM		<u>(1,200)</u>
	Perbelanjaan bakian		<u>516,800⁹</u>

Pengiraan elaun modal bagi Faridah Sdn Bhd adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran		RM
2019	PYL	516,800 ⁹
	Elaun tahunan (10% X 1,034,800)	<u>103,480</u>
	Perbelanjaan bakian	413,320
2020	Elaun tahunan	<u>103,480</u>
	Perbelanjaan bakian	309,840
2021	Elaun tahunan	<u>103,480</u>
	Perbelanjaan bakian	206360
2022	Elaun tahunan	<u>103,480</u>
	Perbelanjaan bakian	102,880
2023	Elaun tahunan (terhad)	<u>102,880</u>
	Perbelanjaan bakian	<u>Tiada</u>

Nota:

⁹Faridah Sdn Bhd dianggap telah melakukan PYL berhubung dengan peralatan bagi jumlah yang bersamaan dengan perbelanjaan bakian pelupus (Farid Sdn Bhd) selepas PHM.

7.4 CBP dan Elaun Pelaburan Semula

Contoh 12 - PHM menyebabkan peningkatan elaun pelaburan semula

Sebuah syarikat berdaftar CBP adalah dalam perniagaan pengilangan dan menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.5.2016, syarikat membeli sebuah mesin dengan kos RM1,060,000 termasuk CBP (cukai input) RM60,000 untuk suatu projek yang layak di bawah Jadual 7A ACP. Mesin itu digunakan untuk membuat pembekalan bercampur.

Penggunaan mesin dalam kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan setiap tahun adalah seperti ditunjukkan dalam Contoh 8.

Dalam tahun taskiran 2016, elaun pelaburan semula yang dituntut atas aset itu adalah RM614,400¹⁰ (60% X 1,024,000¹). Pendapatan perniagaan berkanun syarikat bagi tahun taksiran 2016 adalah RM2,000,000.



**Pengiraan Pendapatan Bercukai
Tahun Taksiran 2016**

	RM
Pendapatan berkanun	2,000,000
Tolak: elaun pelaburan semula	<u>614,400¹⁰</u>
Pendapatan bercukai	<u>1,385,600</u>

Pelarasan kepada tuntutan elaun pelaburan semula dalam tempoh terakhir PHM adalah dalam tahun taksiran 2020. Berdasarkan pelarasan tersebut, amaun elaun pelaburan semula yang dilaraskan adalah RM616,560¹¹ (60% X RM1,027,600²).

Perbezaan akibat PHM:

Elaun pelaburan semula dalam TT 2020	RM616,560 ¹¹
Elaun pelaburan semula dalam TT 2016	<u>RM614,400¹⁰</u>
Perbezaan	<u>RM 2,160¹²</u>

Perbezaan dalam elaun pelaburan semula diambil kira dalam tahun taksiran 2020 apabila PHM terakhir dibuat.

Pendapatan berkanun syarikat bagi tahun taksiran 2020 adalah RM800,000.

**Pengiraan Pendapatan Bercukai
Tahun Taksiran 2020**

	RM
Pendapatan berkanun	800,000
Tolak: elaun pelaburan semula terkurang dituntut disebabkan PHM	<u>2,160¹²</u>
Pendapatan berkanun	<u>797,840</u>

Contoh 13 – PHM menyebabkan pengurangan dalam elaun pelaburan semula

Lantana Camara Sdn Bhd, sebuah syarikat berdaftar CBP adalah dalam perniagaan pengilangan dan menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.9.2016, syarikat membeli sebuah mesin dengan kos RM1,060,000 (kos – RM1,000,000 dan cukai input – RM60,000) untuk suatu projek yang layak di bawah Jadual 7A ACP. Mesin itu digunakan untuk membuat pembekalan bercampur.

Penggunaan mesin dalam kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan setiap tahun adalah seperti di Contoh 9.

Dalam tahun 2016, elaun pelaburan semula yang dituntut atas aset itu adalah RM621,600¹³ (60% X 1,036,000³). Pendapatan perniagaan berkanun syarikat bagi tahun taksiran 2016 adalah RM2,000,000.

**Pengiraan Pendapatan Bercukai
Tahun Taksiran 2016**

	RM
Pendapatan berkanun	2,000,000
Tolak: elaun pelaburan semula	<u>621,600¹³</u>
Pendapatan bercukai	<u>1,378,400</u>

Pelarasan kepada tuntutan elaun pelaburan semula dalam tempoh terakhir PHM adalah dalam tahun taksiran 2020. Berdasarkan pelarasan, amaun elaun pelaburan yang dilaraskan adalah RM619,440¹⁴ (60% X RM1,032,400⁴).

Perbezaan akibat PHM:

	RM
Elaun pelaburan semula dalam TT 2020	619,440 ¹⁴
Elaun pelaburan semula dalam TT 2016	<u>621,600¹³</u>
Perbezaan	<u>(2,160)¹⁵</u>

Perbezaan dalam elaun pelaburan semula diambil kira dalam tahun taksiran 2020 apabila PHM terakhir dibuat.

Pendapatan berkanun syarikat bagi tahun taksiran 2020 adalah RM800,000.



**Pengiraan Pendapatan Bercukai
Tahun Taksiran 2020**

	RM
Pendapatan berkanun	800,000
Tambah: elaun pelaburan semula terlebih dituntut disebabkan PHM	<u>2,160¹⁵</u>
Pendapatan bercukai	<u>802,160</u>

Contoh 14

Fakta adalah sama seperti di Contoh 13.

Pelupusan mesin itu berlaku pada 1.1.2019. Memandangkan pelupusan berlaku dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pembelian, peruntukan perenggan 2A, Jadual 7A ACP terpakai di mana elaun pelaburan semula yang dibenarkan adalah di tarik balik.

Pendapatan berkanun bagi tahun taksiran 2019 adalah RM900,000.

**Pengiraan Pendapatan Bercukai
Tahun Taksiran 2019**

	RM
Pendapatan berkanun	900,000
Tambah: elaun pelaburan semula	<u>621,600¹³</u>
Pendapatan bercukai	<u>1,521,600</u>

8. Dokumen yang Diperlukan

Seseorang yang membuat suatu tuntutan elaun atas PYL termasuk CBP yang ditanggung tetapi tidak boleh dituntut di bawah ACBP, perlu memastikan bahawa dokumen sokongan dan rekod yang diperlukan disimpan (jika berkenaan) bagi menyokong tuntutan tersebut. Antara dokumen yang perlu disimpan ialah:

- (a) borang penyata CBP (GST-03);
- (b) inouis cukai berkaitan;
- (c) dokumen pelarasan harta modal;
- (d) laporan kod cukai yang diguna pakai dalam sistem perakaunan;



- (e) penyesuaian antara GST-03 dan penyata kewangan;
- (f) fail audit CBP; dan
- (g) dokumen lain yang berkaitan.

9. **Perakuan**

Sesetengah kandungan dalam KU ini berhubung dengan CBP telah diperoleh daripada panduan yang dikeluarkan oleh JKDM. Panduan tersebut boleh didapati daripada laman sesawang JKDM di www.gst.customs.gov.my.

10. **Penolakan Tuntutan**

Layanan CBP yang dinyatakan dalam contoh di KU hanya merupakan ilustrasi untuk rujukan bagi tujuan menerangkan layanan cukai pendapatan atas CBP. Ia adalah hak JKDM untuk menentukan layanan CBP di bawah ACBP.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**